

08 OCT 1997

PASARAN MATA WANG, EKUITI BANGUN KERANA SOKONGAN UNTUK PM

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Pasaran-pasaran mata wang dan ekuiti menunjukkan tanda-tanda pemulihan kecil berikutan sokongan padu oleh banyak pihak untuk kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan caranya mengendalikan krisis kewangan.

Ringgit, yang jatuh lebih daripada 30 peratus dalam nilai dari 2.52 berbanding dolar Amerika kepada 3.36 baru-baru ini, ditutup pada 3.17 pada penurup dagangan hari ini.

Sementara itu pasaran saham ditutup pada 836.60 mata, iaitu pemulihan ketara daripada paras paling rendahnya untuk tahun ini pada 675.15 yang dicatatkan pada 4 September.

Selepas kemelesetan dua bulan, ringgit pulih dengan mendadak kerana khabar-khabar angin bahawa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) akan menyuntik AS\$3 trilion untuk membantu negara-negara Asia Tenggara yang terjejas oleh serangan mata wang.

Seorang peniaga, yang tidak mahu namanya disebut, berkata aktiviti hari ini terutamanya tertumpu kepada khabar-khabar angin, sambil menambah: "Ia adalah membabitkan sejumlah wang yang besar tetapi ia cuma khabar angin."

Beliau berkata kesemua mata wang yang terbabit di rantau ini kini mendapat "asas yang betul" sebelum menjadi stabil.

Di dalam urusan niaga pada hari ini, ringgit mencecah serendah 3.22 dan paras tertinggi 3.15 berbanding dolar.

Peniaga itu berkata pengambilan untung bermula semalam dan aktiviti hari ini terutamanya di dalam dagangan silang antara dolar Singapura dan ringgit.

Ulasan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam bahawa Belanjawan 1998 akan mengandungi langkah-langkah untuk mengurangkan defisit akaun semasa dan kerajaan akan meletakkan kembali ekonomi ke atas landasan yang betul turut meransang sentimen.

Pengurus Jabatan Penyelidikan Ekonomi dan Pasaran, Rating Agency Malaysia Bhd, Dr Yeah Kim Leng, berkata imbalan dagangan Malaysia berkemungkinan meningkat dalam enam hingga 12 bulan akan datang melalui peningkatan eksport dan pengurangan import hasil daripada ringgit yang lebih lemah.

Faktor-faktor lain yang membantu termasuk pengurangan import barangan lumpy dan penangguhan beberapa projek besar dan peningkatan eksport melalui daya saingan harga antarabangsa yang meningkat, katanya.

"Matlamat kerajaan untuk mengurangkan defisit akaun semasa kepada empat peratus daripada keluaran negara kasar dari 5.5 hingga 6.0 peratus yang diunjurkan bagi tahun ini adalah di dalam jangkauan," katanya di dalam kertas kerja bertajuk "Ramalan Masa Akan Datang Ekonomi bagi Malaysia" yang dibentangkan pada seminar mengenai "Pasaran Bon Pendapatan Tetap" yang dianjurkan oleh Persatuan Tukaran Wang Asing Malaysia hari ini. -- BERNAMA

YY OS